

CNS3086

R GB 03-10 00154 BA023

Bah

DR MAHATHIR TERIMA FELLOWSHIP KEHORMAT

Mahathir - Fellowship (gambar)

I

KUALA LUMPUR, 3 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini dianugerahi fellowship kehormat Royal College of Surgeons, Ireland.

Anugerah itu disampaikan oleh Presiden kolej itu Encik W.P. Hederman di pejabat Datuk Sri Dr Mahathir di Jabatan Perdana Menteri di sini.

Dalam ucapan yang disampaikan oleh Prof E.O'Malley pada majlis itu, beliau berkata sebagai seorang doktor, ahli pendidik dan seorang yang perpegang kepada tindakan, Datuk Seri Dr Mahathir telah memainkan peranan besar bagi meletakkan Malaysia sebagai negara baru di pentas dunia.

Katanya kolej itu mengiktiraf Datuk Seri Dr Mahathir sebagai salah seorang ketua arkitek Malaysia moden.

Beliau berkata sebuah negara baru menghadapi banyak masalah apabila mencapai kemerdekaan seperti membentuk sebuah pentadbiran baru, mengintegrasikan budaya penjajah dengan tradisi rakyat tempatan dan masalah menyara kehidupan. -- Lagi.

▼03/10/14-55MST

R GB 03-10 00146 BA024

Bah

Mahathir - Fellowship 2 Kuala Lumpur

+Bagaimanapun, negara ini telah berjaya menyelesaikan masalah-masalah ini walaupun ia mempunyai pelbagai kaum, agama, bahasa dan kebudayaan.

+Sudah tentu terdapat banyak masalah dan sudah pasti banyak yang boleh kita belajar daripada apa yang kita lihat di sini, yang boleh diterapkan kepada masalah yang berlaku di negara kita sendiri,+ katanya.

Katanya kolej itu berbangga kerana dapat memainkan peranan dalam mewujudkan perkhidmatan perubatan Malaysia.

Beliau berkata ramai doktor Malaysia mendapat latihan asas di kolej itu dan ada yang menjalankan latihan ijazah lanjutan dalam surgery, anestesia dan pergigian di sana.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah isteri Perdana Menteri Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Encik Law Hieng Ding, pendaftar kolej Prof K.O'Malley dan para pegawai kolej. -- Bernama.

▼03/10/15-04MST